



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM**

**NOTIS PEMBUKAAN SEMULA SEKTOR EKONOMI
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT)**

**KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN / PELESEN DALAM KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM (MDSR)**

TARIKH : 04 MEI 2020

SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA selaras dengan arahan Kerajaan Malaysia berkenaan pembukaan semula sektor ekonomi dan merujuk keputusan Mesyuarat JKKN Johor Bil. 8 Tahun 2020 yang bersidang pada 04 Mei 2020, telah memberikan kuasa mutlak kepada Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Johor untuk melaksanakan arahan ini.

Oleh yang demikian, kebenaran berperingkat bagi premis atau aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** adalah diarahkan mematuhi waktu had operasi sebagaimana berikut :

Bil	Jenis Premis Perniagaan	Waktu Operasi Dibenarkan
1	Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis) a) Restoran / Restoran Makanan Segera b) Kedai Makan / Medan Selera c) Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung) (Kaedah penyediaan dan penjualan makanan secara buffet tidak dibenarkan) Pengusaha makanan dari rumah hendaklah mendaftar dengan MDSR dan mendapatkan suntikan Typhoid	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam KHUSUS PENIAGA BERAGAMA ISLAM TEMPOH OPERASI SEPANJANG BULAN RAMADHAN BERMULA 3.00 PETANG
2	Stesen Minyak dan Kedai Serbaneka dalam Stesen Minyak	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
3	Pasaraya, Pasar Mini, Kedai Runcit, Kedai Serbaneka Termasuk Seven Eleven	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
4	Klinik Swasta, Farmasi, Pusat Dialisis Dan Klinik 24 Jam	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
5	Kedai Dobi (full service sahaja dan bukan layan diri)	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
6	Kedai Menjual Pakaian, Kain Dan Aksesori Fesyen (Kecuali Aktiviti Fitting Pakaian)	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
7	Kedai Cermin Mata Dan Alat Optik	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
8	Perniagaan peruncitan yang merangkumi : a) Kedai Perabot b) Kedai Emas c) Kedai Elektrik & Elektronik d) Kedai Buku Dan Alat Tulis e) Kedai <i>Hardware</i> f) Kedai Makanan Haiwan	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam

9	a) Bengkel Membaiki kenderaan b) Pusat Servis c) Kedai Tayar d) Menjual Alat Ganti Kenderaan	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
10	Sektor Agrikomoditi a) Pengeluaran Agrokomoditi b) Dagangan Agrokomoditi c) Input Pertanian (Baja/Racun) d) Kedai Menjual Dan Membaiki Mesin Dan Jentera	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
11	Perkhidmatan Mesin ATM dan CDM	7.00 Pagi Hingga 8.00 Malam
12	Pasar Awam Dan Pasar Awam Persendirian	6.00 Pagi Hingga 12.00 T/Hari
13	Pengangkutan Awam, Teksi dan E-Hailing	6.00 Pagi Hingga 10.00 Malam
14	Sektor Pembuatan a) Perusahaan b) Perindustrian	8.00 Pagi Hingga 8.00 Malam PENGOPERASIAN MELEBIHI 12 JAM HENDAKLAH MENDAPAT KEBENARAN MANDATORI DARIPADA MDSR

JENIS AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI

Bil	Jenis Aktiviti Perniagaan	Ulasan
1	Agensi Nombor Ramalan	Tidak Dibenarkan Beroperasi
2	Pusat Refleksologi, Pusat Estetik, Pusat Urut	Tidak Dibenarkan Beroperasi
3	Kedai Gunting Rambut Dan Salon Kecantikan	Tidak Dibenarkan Beroperasi
4	Semua Aktiviti Penjaja Penjaja Bergerak, Penjaja Statik, Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Tani, Bazar Ramadhan Dan Bazar Raya KECUALI Food Truck.	Tidak Dibenarkan Beroperasi
5	Semua Aktiviti Hiburan Termasuk Pusat Hiburan, Pusat Karaoke, Pusat Snooker, Kelab Malam Dan Taman Tema	Tidak Dibenarkan Beroperasi
6	Semua Aktiviti Sukan Yang Melibatkan Perhimpunan Ramai, Sentuhan Badan, Kemudahan Sukan Tertutup (Gymnasium, Futsal dan sebagainya)	Tidak Dibenarkan Beroperasi
7	Semua Aktiviti Perarakan Keagamaan, Perhimpunan, Karnival Jualan, Persidangan Berkumpulan, Pameran Dan Aktiviti Sosial	Tidak Dibenarkan Beroperasi
8	Semua Urus Niaga Mendapatkan Jualan (<i>Sales Dan Marketing Activities</i>) Di Luar Premis Insitusi Kewangan Atau Kawasan Awam	Tidak Dibenarkan Beroperasi
9	Semua Penggunaan Fasiliti Di Hotel Seperti Surau, Spa, Sauna, Lounge, Café (Bagi Tujuan Buffet)	Tidak Dibenarkan Beroperasi

SILA AMBIL MAKLUM bahawa pemilik premis/pelesen hendaklah mengambil langkah-langkah mencegah jangkitan Covid-19 dengan melaksanakan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh **Kerajaan Pusat** di premis perniagaan masing-masing (yang dibenarkan beroperasi) terpakai dan berkuatkuasa iaitu :

1. Memakai Face Mask (kepada semua pekerja dan petugas).
2. Menyediakan dan menggunakan Hand Sanitizer.

3. Menjalankan dan membuat pemeriksaan suhu badan di hadapan premis,
4. Mengawal bilangan pengunjung dalam satu-satu masa bagi mewujudkan jarak sosial (*Social Distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter.
5. Melaksanakan protokol tindakan pencegahan penularan wabak yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
6. Mengikuti langkah-langkah kerja nyahkuman yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh KKM pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna bersama dengan orang ramai secara kerap.

Selanjutnya, bagi premis di **Zon PKPT Ibrahim Majid**, aktiviti perniagaan dan penguatkuasaan bagi notis ini adalah berkuatkuasa mulai **06 Mei 2020**.

Sehubungan dengan itu, semua pelesen dan pengusaha premis perniagaan dikehendaki mematuhi arahan-arahan notis ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas tuan/puan. Arahan ini berkuatkuasa mulai 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020 atau sehingga tempoh PKPB berakhir. Sekiranya ingkar, tuan/puan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 serta premis perniagaan tuan/ puan boleh ditutup. Arahan ini selaras dengan peruntukan kuasa kepada Majlis Daerah Simpang Renggam di bawah Seksyen 72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171.

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda tertakluk kepada arahan selanjutnya daripada pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan dalam perkara ini diucapkan terima kasih. Sebarang aduan/ pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui :

Tel 077551300, Hotline : 1300-88-6377, WhatsApp Aduan : 0197551300

Dengan perintah,

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM
04 Mei 2020